

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
Department of Agriculture and Agrifood

PEMBIAKAN TANAMAN



Unit Industri Florikultur
dan Koridor Inovasi Bio
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Bandar Seri Begawan BB3510
Negara Brunei Darussalam

Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba
(Rimba Garden Centre)
Rimba, Gadong BE3119
Negara Brunei Darussalam
Tel: +673 2426147
Fax : +673 2426149

PEMBIAKAN TANAMAN

Tanaman dibiakkan dengan tujuan seperti:

- membanyakkan anak benih dan baka tanaman
- memelihara spesis tanaman
- memelihara alam sekitar
- mendapat keuntungan hasil jualan

JENIS PEMBIAKAN TANAMAN

a. Pembiakan Cara Vegetatif

Membiakkan tanaman tanpa menggunakan biji benih

- membiakkan dengan menggunakan keratan
- membiakkan dengan menggunakan cantuman
- Membiakkan dengan menggunakan tut atau lakum
- Membiakkan dengan menggunakan belahan

b. Pembiakan Dengan Menggunakan Biji Benih

A. PEMBIAKAN CARA VEGETATIF (KERATAN)

Membiakkan dengan menggunakan keratan yang mana boleh dibahagikan kepada:

i) Keratan Batang dibahagikan kepada 3 sub-bahagian

- bahagian batang
(hendaklah dibuang semua daun)
- bahagian batang sederhana keras
(hendaklah dibuang semua daun kecuali daun paling atas sekali)
- bahagian batang lembut
(hendaklah dibuang daun bahagian bawah sahaja)

ii) Keratan Hijau atau Pucuk

iii) Keratan Daun

i) Keratan Batang



Rajah Bahagian Jenis Keratan Batang

Cara Pembiakan Keratan Batang



Potong dahan, ranting atau batang



Potong daun yang tidak dikehendaki



Celupkan dahan, batang atau ranting kedalam hormon penggalak akar



Tanam kedalam pasu yang telah diisi tanah



Tutup dengan plastik bagi pertumbuhan

ii) Keratan Hijau atau Pucuk

- Keratan Hijau atau Pucuk biasanya dilakukan kepada jenis-jenis pokok yang lembut seperti *Coleus* (Ati-Ati), *Chrysanthemum* (Kekwa) dan sesetengah jenis pokok semusim (Annuals/Seasonal Plants)
- Keratan jenis ini, daun dan pucuknya tidak dibuang

Contoh Tanaman : *Coleus blumei* (Ati-Ati)



Pilih tanaman yang sihat dan bebas dari penyakit. Ambil keratan pucuk tanaman kira-kira 8-10cm panjang



Buang daun dan bunga yang tidak dikehendaki dan tinggalkan 2-3 helai daun sahaja. Potong batang secara serong dan panjang pucuk yang hendak ditanam 8cm panjang



Sediakan bekas dan media tanaman. Gunakan batang untuk membuat lubang bagi memudahkan menanam tanaman. Siram tanaman

iii) Keratan Daun

- Berbeza mengikut jenis tanaman

Cara Pembiakan Keratan Urat Daun

Contoh Tanaman : *Begonia rex*



Pilih tanaman yang sihat dan bebas dari penyakit Potong satu helai daun.



Potong urat daun dengan menggunakan pisau yang tajam



Sediakan bekas dan medium tanaman. Letakkan daun secara menelentang.



Tutup tanaman bagi menggalakkan pertumbuhan

Cara Pembiakan Keratan Tangkai Daun

Contoh Tanaman :



1. Pilih tanaman yang sihat dan bebas dari penyakit. Potong daun dengan tangkainya sekali



2. Sediakan bekas dan medium tanaman. Gunakan batang untuk membuat lubang dan tanam tangkai daun tersebut



3. Tutup tanaman dengan plastik bagi menggalakkan pertumbuhan

Cara Pembiakan Keratan Daun

Contoh Tanaman : Begonia



Pilih tanaman yang sihat dan bebas dari penyakit



Potong daun



Sediakan bekas dan medium tanaman. Tanam daun yang telah dipotong

CARA MEMBUAT KERATAN (secara umum)

- Pilih dahan atau ranting yang subur dan tidak berpenyakit dan panjang keratan antara 10cm –20cm.
- Potong pangkal keratan itu serong dibawah satu matatunas.
- Tinggalkan 2 atau 3 helai daun.
- Tentukan sekurang-kurangnya ada 1 tunas untuk akar dan 1 tunas untuk pucuk.
- Tanam keratan itu sedalam kira-kira 3cm-7cm (1/3keratan).
- Tekan sekeliling pangkal keratan dan siram
- Untuk keratan yang susah berakar, rawat pangkal keratan dengan hormon penggalak akar.

a. PEMBIAKAN CARA VEGETATIF (Cantuman)

Membiakkan dengan cara cantuman boleh dibahagikan kepada dua cara iaitu:

i) Cantuman Tunas atau Sandingan


-dilakukan bagi mendapatkan pokok-pokok yang terpilih

-Disegi kultura kebun, pembiakan cara ini adalah bertujuan untuk mendapatkan beberapa warna bagi satu pokok

ii) Cantuman Belahan Dibahagikan kepada tiga jenis:

- Belahan Tepi
- Belahan Rencung
- Belahan Baji

Cara Cantuman Belahan Tepi



Contoh Tanaman :
Bougainvillea (Bunga Kertas)

Cara Cantuman Belahan Rencung



Pokok penanti dan matatunas mestilah sihat dan subur. Proses mencantum mestilah dibuat dengan cepat untuk mengelakkan cambium atau matatunas menjadi kering. Pastikan ikatan jangan terlalu kuat atau longgar.

Cara Cantuman Belahan Rencung

Contoh Tanaman : Bougainvillea (Bunga Kertas)



PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN UNTUK KEJAYAAN CANTUMAN (Secara Umum)

- Pisau cantuman mestilah tajam.
- Pokok penanti dan matatunas yang hendak dicantum hendaklah dari keluarga yang sama.
- Saiz matatunas dan kelaran dipokok penanti mestilah sama.
- Proses mencantum mestilah dibuat dengan cepat untuk mengelakkan cambium atau matatunas menjadi kering.
- Pokok penanti dan matatunas mestilah sihat dan subur
- Tentukan ikatan jangan terlalu kuat atau terlalu longgar.
- Pekerjaan mencantum eloklah dibuat diwaktu pagi sebelum siraman petang.

a. PEMBIAKAN CARA VEGETATIF (Tut atau Lakum)

- Membiakkan dengan cara tut atau lakum boleh dilakukan kepada sesetengah pokok yang tidak boleh dibiakkan melalui keratan
- Cara Memilih Dahan Yang Sesuai

- Pokok mestilah sihat, segar dan tidak berpenyakit atau diserang serangga.
- Dahan yang dipilih mestilah dari kayu keras, sebesar ibu jari atau lebih.
- Dahan yang dipilih mestilah berbentuk elok dan seimbang percabangannya.
- Bahan-bahan yang diperlukan semasa melakum adalah tanah pelakum yang boleh dibeli dikedai barangan hortikultur; atau dibuat daripada tanah campuran seperti berikut : 4 bahagian isipadu abuk papan 3 bahagian isipadu tanah atas 2 bahagian isipadu baja organik

Cara Melakum



a. PEMBIAKAN CARA VEGETATIF (Belahan)

- Membiakkan tanaman dengan cara belahan boleh dilakukan kepada tanaman yang mempunyai rumpun dan beranak pinak dipangkalnya.

Cara Pembiakan Belahan (Division)

Contoh Tanaman : *Aglaonema* sp



Pilih tanaman yang subur dan sihat



Belah atau bahagi tanaman dengan menggunakan garfu tanaman



Sediakan bekas yang telah diisi medium tanaman. Tanam tanaman yang telah dibahagi atau dibelah kedalam pasu

b. PEMBIAKAN CARA BIJI BENIH

Cara Menyemai Melalui Biji Benih



Sediakan bekas dan medium tanaman



Ratakan medium tanaman



Tabur biji benih



Tutup biji benih yang ditabur dengan tanah yang diayak diatasnya. Siram biji benih tersebut.